

'Pemimpin2 Pas berebut2 kerusi untuk diri mereka'

78

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed mengingatkan rakyat bahawa PAS dan pemimpinnya akan menimbulkan perkara yang mereka sanggup ketepikan ketika berada dalam Barisan Nasional sebagai isu-isu mereka dalam pilihanraya sekarang.

Bellau berkata, pemimpin-pemimpin PAS cuma asyik berusaha untuk merebut kerusi dan tidak berminat untuk berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, mereka tidak dapat menunaikan janji-janji yang dibuat semasa pilihanraya-pilihanraya yang lalu.

"Kalau pun mereka menang dalam pilihanraya ini mereka tidak akan dapat menolong pengundi-pengundi di kawasan yang mereka wakili sebaliknya akan menyalahkan kerjaan," tambahnya.

Rebut kerusi

Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa berucap kepada 400 orang masyarakat keturunan Thal di Kubang Chenuk, 28 batu dari sini semalam.

Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan, sebenarnya pemimpin-pemimpin PAS hanya berebut-rebut untuk menda-

ALOR SETAR, Selasa

patkan kerusi supaya kehidupan mereka lebih mewah dan dihormati orang.

Mereka, jelasnya, tidak pernah menunaikan apa yang telah dijanjikan kepada rakyat sepertimana terbukti semasa PAS menguasai Kelantan selama 19 tahun.

Bellau menuduh pemimpin-pemimpin PAS hanya pandai membuat janji tetapi mereka tidak pandai menunaikan janji tersebut.

"Mereka membuat janji kepada rakyat hanya sebagai perkara gampang sahaja, tanpa menunaikannya," katanya.

Bellau memberi jaminan akan berusaha untuk menunaikan janji-janji Barisan Nasional kepada rakyat selapas pilihanraya ini.

"Barisan Nasional tidak akan membuat janji-janjinya kepada rakyat sekiranya perkara itu tidak dapat ditunai," katanya.

Dr. Mahathir juga yakin PAS tidak akan mendapat kemenangan khususnya di negeri Kedah dan juga bagi kerusi-kerusi Parlimen di seluruh negara.

Katanya walaupun PAS banyak meletakkan calon-calon mereka bertanding di seluruh negara tetapi sebahagian dari calon-calon itu bertanding di kawasan yang tidak ramai pengundi-pengundi Melayu.

Menurutnya, perbuatan tersebut adalah sia-sia sahaja kerana pengundi-pengundi bukan Melayu tidak akan menyokong calon-calon PAS.

Bellau berkata PAS tidak mungkin dapat membentuk sebuah kerajaan negeri walaupun mereka menang di Kedah kerana sikap para pemimpinnya yang tidak jujur.

Keyakinan

"Boleh dikatakan kebanyakan tokoh-tokoh PAS memain politik untuk kepentingan peribadi dan bukan kerana hendak berkhidmat kepada rakyat jelata," tegangnya.

Sebagai contoh, Yang Dipertua Agung PAS Datuk Haji Mohamed Asri telah memindahkan pengkalan politiknya dari Kelantan ke Kedah semata-mata kerana bellau tidak mendapat keyakinan rakyat di negeri itu.

Datuk Asri, tambahnya, telah dianggap oleh para pengundi di kawasan lamanya Nilam Puri sebagai seorang tokoh yang gagal menjalankan tugas bagi kepentingan mereka.

"Oleh yang demikian, bolehkah rakyat negeri Kedah menerima para pemimpin PAS yang berakap seperti itu untuk mengendalikan jentera pentadbiran negeri?" tanya bellau.

Kemudahan

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan khususnya untuk mereka yang tinggal di kawasan luar bandar jika diberikan mandat baru dalam pilihanraya ini.

Kerajaan setakat ini telahpun membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengadakan kemudahan infrastruktur di negeri Kedah.

Mengenai pilihanraya 8 Julai, Timbalan Perdana Menteri berkata Barisan Nasional mahukan rakyat memberi mandat baru untuk memerintah dan seterusnya menjalankan projek-projek sosioekonomi bagi kepentingan mereka.

Terdahulu dari itu calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Tunjang, Encik Hanafi Ramli ketika berucap di majlis itu berkata, bellau akan membuka pejabat wakil rakyat di Tunjang, Kodang, Changloon dan Padang Sera untuk kemudahan para pengundi di kawasan berkenaan sekiranya dipilih kelak.

Kemudian Dato Seri Dr. Mahathir melawat bilik perakan BN bagi kawasan Padang Sera dan menemui ahli jawatankuasa tindakan pilihanraya kawasan itu di Kuala Nerang, 25 batu dari sini.

Di perjumpaan tertutup itu, Dr. Mahathir menasihatkan para pekerja BN supaya memperkembangkan jentera pilihanraya bagi menentang calon PAS, Datuk Seri yang bertanding di kawasan Parlimen Padang Terap. — SA

No. Lini: 1353
No. Per: 1024/80